

Ruj kami : MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (82)

## **MBPJ KONGSI KERIANGAN AIDILFITRI**

Nasib golongan yang kurang berkemampuan mendapat perhatian Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang menghulurkan sumbangan berjumlah RM20,000.00 dan hamper berupa barangan keperluan dapur sempena sambutan Aidilfitri tahun ini.

Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini akan diadakan di Stadium Petaling Jaya, Kelana Jaya bermula pada jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Di majlis ini juga, akan berlangsungnya Majlis Penyampaian Sumbangan kepada 200 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada keluarga yang mempunyai ramai anak dan ibu tunggal yang berstatus miskin bandar dan tidak bekerja.

Kesemua penerima sumbangan ini merupakan penduduk yang berdaftar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang berada di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya iaitu PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Petaling Jaya Selatan (PJS), Desa Mentari dan Impian Baiduri.

Antara objektif pemberian sumbangan ini ialah untuk meringankan bebanan penduduk yang tidak berkemampuan. Di samping itu juga, ia merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya kepada komuniti setempat di bawah pentadbirannya.

Pada masa sama, di Majlis ini juga turut diselitkan dengan acara ramah mesra aidilfitri Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bersama Y.B Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan, Negeri Selangor.

Beliau juga akan menyampaikan sumbangan berbentuk hamper raya dan bendera Malaysia yang merupakan simbolik semarakkan merdeka kepada pengerusi-pengerusi 24 zon PeBT MBPJ.

Tidak ketinggalan, MBPJ juga turut menyampaikan anugerah peniaga bazar ramadan terbaik tahun 2012. Seramai 40 orang pemenang akan menerima hadiah berupa sijil penghargaan, cenderahati dan penyertaan secara percuma ke atas mana-mana kursus/bengkel pembangunan penjaja dan peniaga kecil anjuran

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sektor Informal, Majlis Bandarya Petaling Jaya serta diberi keutamaan pemohonan tapak bazaar Ramadan pada tahun hadapan.

Anugerah peniaga bazar Ramadan terbaik ini merupakan hasil cetusan idea oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang kini memasuki tahun ke 4 penganjurannya.

Program tahunan ini juga masih lagi menggunakan Konsep 6K sebagai format penilaian di mana para peniaga adalah disaran untuk menitikberatkan dan mengamalkan aspek kebersihan, kesihatan, keselesaan, keindahan, kesopanan dan kehijauan yang baik sepanjang menjalankan perniagaan di bulan Ramadan.

Pemenang-pemenang anugerah ini adalah peniaga dari kawasan seperti Seksyen 17/1A, Seksyen 14/27, Taman Sri Manja, Taman Medan, Kelana Jaya, serta Seksyen 4 dan Seksyen 6, Kota Damansara.

Sambutan rumah terbuka ini juga turut mendapat tajaan daripada Fraser and Neave Holdings Bhd. (F&N) yang menaja teh tarik sebanyak 1500 untuk pengunjung terawal dan minuman percuma dari syarikat Adabi. Terdapat 15 gerai makanan dan minuman telah disediakan oleh pihak majlis dan antara menu istimewa yang sedia menanti para pengunjung ialah 10 ekor kambing panggang, makanan tradisional melayu, sate, mee bandung muar dan lain-lain.

Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri MBPJ yang diadakan setiap tahun ini dibuka kepada orang ramai terutama warga Petaling Jaya.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**

**Bertarikh : 30 Ogos 2012**